

# UPM pamer 920 hasil penyelidikan

SERDANG, (13 Mei 2005) - Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan Pameran Rekacipta Penyelidikan dan Inovasi 2005 baru-baru ini bertempat Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKSSAAS).

Pameran yang melibatkan hasil penyelidikan di Fakulti, Institut dan Akademi merupakan suatu usaha positif menggalakkan penyelidikan sebagai satu budaya di kalangan staf akademik UPM. I juga memberi peluang kepada para penyelidik untuk memperkenalkan produk dan hasil penyelidikan mereka.

Sebanyak 920 penyertaan diterima dalam pameran selama tiga hari itu. Daripada penyertaan tersebut Fakulti Sains memenangi pingat terbanyak apabila 127 penyertaannya mendapat 69 pingat. Manakala Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dan Fakulti Kejuruteraan masing-masing memenangi 49 pingat.

Majlis penyampaian anugerah kepada pemenang hasil penyelidikan terbaik disempurnakan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi

dan Inovasi, Datuk Dr. Mohd Ruddy Abdul Ghani.

Setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) menghantar penyertaan masing-masing dan para pemenang yang terpilih dikategorikan kepada pemenang pingat gergasi seramai 253 orang, pingat perak seramai 179 orang, manakala pemenang pingat emas seramai 48 orang.

Antara objektif utama pameran ini diadakan adalah untuk menonjolkan pencapaian penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam pelbagai bidang di UPM. Hasil daripada R&D ini diharapkan dapat diketengahkan dan dikomersilkan.

Selain itu ia bertujuan untuk menghargai sumbangan para penyelidik, mencungkil bakat penyelidik baru serta memberi sokongan kepada mereka untuk meneruskan jejak-jejak kegemilangan penyelidikan universiti.

Naib Canselor dipetik sebagai ber kata, harapan UPM kepada para penyelidik ini adalah besar dan beliau berharap usaha mereka dapat diteruskan ke arah memperkenalkan produk dan pengkomersialan. Seterusnya hasil penyelidikan ini akan dapat menjana pendapatan.